



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2020-2024



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2020-2024



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2020-2024

Diterbitkan Oleh:

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 6, BLOK D9, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1613 / 03-8889 1610
Email : pro@moha.gov.my
Web : <http://www.moha.gov.my/>
Twitter : @KDNPUTRAJAYA
Facebook : @kementeriandalamnegeri

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitanian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PEREKA GRAFIK DAN CETAKAN

Rising Fusion SDN BHD

AMANAT

YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
MENTERI DALAM NEGERI

**PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASIKON**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, **Pelan Antirasuah Organisasi/Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) Kementerian Dalam Negeri (KDN) 2020-2024** yang dinamakan sebagai **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** dapat dibangunkan dengan jayanya.

Syabas dan tahniah saya ucapkan atas usaha gigih sekretariat **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** dan penglibatan semua pegawai Kementerian ini yang bekerjasama menjana cetus idea bagi membangunkan pelan ini secara langsung mahupun tidak langsung. Pembangunan pelan ini merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

Kementerian Dalam Negeri komited dalam melaksanakan segala inisiatif yang dirancang dan menjadi kewajipan semua pihak yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan segala inisiatif dapat direalisasikan dalam usaha untuk memperkukuhkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan negara ini bebas daripada amalan rasuah. Hala tuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang lebih berstruktur dan jelas ini diharapkan dapat memantapkan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

Akhir kalam, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024**. Semoga strategi dan inisiatif yang dirangka berjaya serta dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
MENTERI DALAM NEGERI
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERUTUSAN

DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASIKON



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kerana atas limpah kurnia serta keizinanNya, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya membangunkan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024**.

Pembangunan pelan ini merupakan salah satu inisiatif terbaru yang berperanan untuk mencegah daripada berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berhubung dengan amalan, sistem dan tatacara kerja di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya percaya kesemua 33 inisiatif di bawah **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** ini akan menjadi pencetus dalam usaha pencegahan rasuah di semua Bahagian dan Agensi di bawah KDN serta dalam hubungan rasmi KDN dengan lain-lain agensi Kerajaan, sektor swasta dan badan-badan korporat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak khususnya warga KDN untuk melibatkan diri secara aktif dalam melaksanakan semua inisiatif yang tersenarai di dalam pelan ini. Semua pihak disarankan memberi pandangan dan cadangan demi menambah baik dan memantapkan lagi **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada urusetia dan pegawai-pegawai di Kementerian Dalam Negeri yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** dan menjadikannya sebagai satu kenyataan.

Besarliah harapan saya, agar usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam menjayakan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** dapat menyediakan satu platform terbaik kepada KDN untuk menjadi sebuah Kementerian yang cemerlang dan membanggakan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

RINGKASAN

EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024 ini telah dibangunkan sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam menangani isu rasuah, governans dan isu integriti yang berlaku dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Pelan ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 oleh Kerajaan pada 29 Januari 2019. Pelan ini mengandungi inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh semua bahagian di dalam Kementerian.

Latar belakang secara ringkas berserta fungsi dan peranan KDN selaku Kementerian terkehadapan dalam menjaga hal ehwal keselamatan dalam negara dan keperluan merangka pelan antirasuah diterangkan dalam Bab 1. Seterusnya senario rasuah dan salah laku integriti di peringkat KDN dijelaskan melalui statistik bermula tahun 2014 sehingga 2019 dalam Bab 2.

Paradigm Shift KDN dalam menangani gejala rasuah telah dijelaskan di dalam Bab 3 termasuk pernyataan misi, visi dan matlamat yang ditetapkan. Dalam pelan ini, terdapat 33 inisiatif yang ditetapkan yang merangkumi empat (4) bidang keutamaan dan empat (4) strategi yang telah digariskan. Kesemua inisiatif tersebut perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak melebihi tempoh empat (4) tahun oleh semua bahagian di KDN.

Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian pelan ini dijelaskan di dalam Bab 4. Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian akan memastikan pelan ini dilaksanakan secara berterusan dan penambahbaikan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui maklum balas yang diterima selaras dengan keperluan semasa Kementerian.

Bab 5 menjelaskan keberkesanan pelan ini amat memerlukan komitmen dan usaha berterusan semua pihak khususnya warga Kementerian termasuk pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan KDN.

ISI

KANDUNGAN

11

BAB 1: PENGENALAN

12

1.1 Latar Belakang dan Fungsi KDN

17

1.2 Keperluan Merangka **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024**

19

BAB 2: ANALISIS PERSEKITARAN

20

2.1 Senario Rasuah dan Salah Laku Integriti

29

BAB 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

30

3.1 *Paradigm Shift* KDN Yang Berdinamik di Masa Hadapan

34

3.2 Bidang Keutamaan dan Inisiatif **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024**

49

BAB 4: TADBIR URUS KEMENTERIAN

50

4.1 Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian
Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024

55

BAB 5: KESIMPULAN

29 Januari 2019

Susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional/*National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023*



29 Mac 2019

Arahan YAB Perdana Menteri

No. 1 Tahun 2018 Siri 2

No. 1 Tahun 2019: Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional

BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 LATAR BELAKANG
DAN FUNGSI KDN
- 1.2 KEPERLUAN
MERANGKA
PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI KDN
2020-2024





1.1

**LATAR
BELAKANG DAN
FUNGSI KDN**

1.2

**KEPERLUAN MERANGKA PELAN
ANTIRASUAH ORGANISASI KDN
2020-2024**

MATLAMAT PENUBUHAN KPDN

VISI

Peneraju Keselamatan Dalam Negeri

MISI

Memastikan Keselamatan dan Keamanan Dalam Negara Terjamin dan Kesejahteraan Rakyat Terpelihara

TERAS UTAMA

Integriti, Kualiti, Inovasi, Profesionalism dan *Esprit de Corps*

MOTO

Keselamatan Tanggungjawab Bersama

- 1.1.1 Kementerian Dalam Negeri (KDN) ditubuhkan pada Mac 1951 dengan nama Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri. Bermula 9 Ogos 1955, ianya telah menjadi sebuah Kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Seterusnya KDN telah melalui pelbagai fasa gabungan dan pecahan nama serta fungsi Kementerian sehingga pada 18 Mac 2008 ianya telah kekal sebagai Kementerian Dalam Negeri sehingga kini.
- 1.1.2 Pada masa ini fungsi dan peranan KDN boleh dirumuskan kepada 10 bidang utama seperti berikut:
- i **Keselamatan dan Ketenteraman Awam** iaitu memelihara, mengekalkan dan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam daripada sebarang ancaman dan menjalankan penguatkuasaan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.
 - ii **Hal Ehwal Pendaftaran** iaitu memastikan pengurusan daftar penduduk di negara ini teratur mengikut Perlembagaan Negara.
 - iii **Hal Ehwal Imigresen dan Pekerja Asing** iaitu memastikan pengurusan pengeluaran dokumen perjalanan, urusan keluar/masuk warganegara dan warga asing teratur serta pemberian pas yang bersesuaian kepada warga asing yang tinggal di negara ini selaras dengan akta dan peraturan imigresen.
 - iv **Pengurusan Pertubuhan** iaitu memastikan pengurusan pendaftaran pertubuhan serta persatuan-persatuan teratur mengikut undang-undang berkuat kuasa sedia ada.
 - v **Pengawasan Sempadan Negara** iaitu memastikan sempadan darat dan laut negara termasuk pintu masuk terhindar daripada sebarang pencerobohan, penyeludupan dan sentiasa mematuhi peraturan dan akta sedia ada.

- vi **Antidadah** iaitu meningkatkan usaha membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta meningkatkan keberkesanan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah.
- vii **Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran** iaitu mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan, percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbitan serta memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan teks dan bahan Al-Quran.
- viii **Kawalan filem** iaitu mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan dan pengedaran filem.
- ix **Pengurusan Sukarelawan** iaitu memastikan pengurusan sukarelawan yang cekap bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, di samping bertindak sebagai 'Mata dan Telinga' Kerajaan serta menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi setempat.
- x **Pemulihan dan Pelaksanaan Hukuman** iaitu memastikan pelaksanaan hukuman dan penahanan yang selamat terhadap pesalah serta meningkatkan keberkesanan program pemulihan terhadap pesalah.

Kesemua fungsi KDN di atas dilaksanakan oleh 10 Jabatan dan 26 Bahagian di bawah KDN sama ada secara langsung atau tidak langsung.

GARIS PANDUAN ASAS UNTUK MEMBINA KERANGKA PELAN ANTIRASUAH



Sumber : NACP

- 1.2.1 Keperluan merangka **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** ini adalah susulan daripada pelancaran NACP pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No 1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Pelan ini merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti serta menjadi rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan pelan antirasuah masing-masing.
- 1.2.2 KDN merupakan di antara Kementerian yang terawal ditubuhkan dalam negara dan terpenting dalam menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam. Isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, KDN sebagai entiti yang dipertanggungjawabkan untuk menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam harus memastikan tiada elemen-elemen rasuah di dalam operasi Kementerian ini. Ruang lingkup pelaksanaan pelan antirasuah merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah di KDN serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di Kementerian.
- 1.2.3 Penggubalan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** juga bertujuan memperkasakan sistem penyampaian dan perkhidmatannya agar menjadi lebih berkesan. Ini dilaksanakan melalui aktiviti mengenal pasti isu integriti, isu governans dan isu antirasuah di dalam keseluruhan operasi Kementerian. Hasil daripada aktiviti tersebut, berupaya membantu Kementerian merangka strategi-strategi bagi memerangi perlakuan rasuah di dalam organisasi. Strategi-strategi yang telah diwujudkan menjadi satu platform yang sistematik dalam usaha menangani isu-isu rasuah. Pelan ini juga merupakan satu dokumen yang menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi Kementerian dalam usaha pencegahan rasuah dan menyokong hasrat kerajaan untuk membebaskan perkhidmatan awam daripada amalan rasuah.

EMPAT PUNCA UTAMA RASUAH



KEGAGALAN PENTADBIRAN
(MANIPULASI TERHADAP SISTEM
DAN PROSEDUR)



KONFLIK KEPENTINGAN
(KUASA BUDIBICARA, KUASA MUTLAK
DAN CAMPUR TANGAN POLITIK)



**KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN
DAN KETIDAKPATUHAN**



KURANG KETELUSAN

SUMBER: SPRM

BAB 2

ANALISIS PERSEKITARAN

2.1 SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI





2.1

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

**SENARIO RASUAH &
SALAH LAKU INTEGRITI**

KDN

1
**DATA KES-KES RASUAH
DI MALAYSIA**

2
**DATA KES-KES RASUAH
DI KDN**


3
**DATA KES-KES
TATATERTIB DI KDN**

4
**DATA ADUAN YANG
DITERIMA TERHADAP
KDN**

2.1 SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

- 2.1.1 Dalam usaha mendepani isu-isu rasuah semasa di negara kita, berdasarkan sumber Laporan Indeks Persepsi Rasuah/*Corruption Perception Index* (CPI) tahun 2019 yang telah dikeluarkan oleh *Transparency International Malaysia* telah menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke-51 daripada 180 buah negara dengan mata skor sebanyak 53.
- 2.1.2 Berdasarkan trend rasuah di Malaysia bagi tempoh enam (6) tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2019, sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Sektor awam menunjukkan tahap risiko sebanyak 46.8%. Dengan mengambil kira isu-isu semasa dan senario rasuah yang berlaku di negara kita, KDN secara serius perlu meningkatkan usaha memerangi rasuah bagi memastikan warganya penuh berintegriti dan mengutamakan kepentingan awam.


Trend Rasuah di Malaysia Bagi Tempoh 6 Tahun (2014 - 2019)



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

2.1.3 Berdasarkan data rasuah yang melibatkan Kementerian (tidak termasuk Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian) dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga 2019 daripada 32 maklumat yang diterima oleh SPRM, sebanyak 10 kertas siasatan telah dibuka dan melibatkan dua (2) tangkapan serta satu (1) dituduh. Kategori kesalahan rasuah yang melibatkan KDN adalah kesalahan tuntutan palsu, pemalsuan dokumen, meminta dan menerima rasuah serta penyalahgunaan kuasa.


Data Rasuah di KDN Bagi Tempoh 5 Tahun (2015 - 2019)



Maklumat	2015	7	2016	7	2017	7	2018	9	2019	2
Kertas Siasatan	2015	1	2016	1	2017	1	2018	6	2019	1
Tangkap	2015	1	2016	0	2017	0	2018	1	2019	0
Tuduh	2015	0	2016	0	2017	1	2018	0	2019	0

Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

2.1.4 Berdasarkan kepada jumlah aduan yang diterima di Kementerian (tidak termasuk Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian) dari tahun 2016 sehingga 2019, didapati aduan kegagalan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan sebanyak 22%, kelemahan dari segi kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter dan telefon (16%), dan kegagalan penguatkuasaan (14%), kelewatan/tiada tindakan (3%), salah laku anggota awam (3%), salah guna kuasa/penyelewengan (2%), kepincangan pelaksanaan dasar dan kelemahan undang-undang (2%), tindakan tidak adil (2%) dan pelbagai aduan (36%).




- Kelewatan/Tiada Tindakan
- Tindakan Tidak Adil
- Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-undang
- Salah Guna Kuasa/Penyelewengan
- Salah Laku Anggota Awam
- Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan
- Kualiti Perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk Kaunter dan Telefon
- Kegagalan Penguatkuasaan
- Pelbagai Aduan

Sumber: Unit Komunikasi Korporat KDN

2.1.5 Berikut adalah analisis data berkaitan kesalahan-kesalahan tatatertib yang melibatkan pegawai dan kakitangan di Kementerian (tidak termasuk jabatan dan agensi di bawah Kementerian) dari tahun 2015 sehingga 2019. Jika diperhatikan, kesalahan yang paling kerap dilakukan adalah tidak hadir bertugas iaitu sebanyak 62 kes. Perincian kesalahan mengikut kes adalah seperti di Gambarajah 2.1.5 (a) dan kesalahan berdasarkan demografi pegawai seperti di Jadual 2.1.5 (b).



Gambarajah 2.1.5 (a): Analisis Data Berkaitan Kesalahan Tatatertib KDN Dari Tahun 2015–2019




Jadual 2.1.5 (b): Demografi Pegawai Yang Melibatkan Kesalahan Tatatertib


Demografi Pegawai		Jumlah	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	63	75%
	Perempuan	21	25%
Umur	25 Tahun Ke Bawah	1	1.2%
	26-33 Tahun	16	19.0%
	34-41 Tahun	44	52.4%
	42-49 Tahun	21	25.0%
	50-60 Tahun	2	2.4%
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Tertinggi	1	1.2%
	Pengurusan dan Profesional	6	7.1%
	Sokongan	77	91.7%

DEMOGRAFI PEGAWAI YANG MELIBATKAN KESALAHAN TATATERTIB



- Sokongan
- Pengurusan & Profesional
- Pengurusan Tertinggi





“Orang yang pesimis selalu melihat kesulitan di setiap kesempatan, tapi orang yang optimis selalu melihat kesempatan dalam setiap kesulitan.”

-Ali Bin Abi Thalib-

BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 *PARADIGM SHIFT* KDN
YANG BERDINAMIK
DI MASA HADAPAN

3.2 BIDANG KEUTAMAAN
DAN INISIATIF PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI KDN
2020-2024



3.1

**PARADIGM SHIFT KDN
YANG BERDINAMIK DI
MASA HADAPAN**

3.2

**BIDANG KEUTAMAAN DAN
INISIATIF PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI KDN 2020–2024**

PARADIGM SHIFT KDN YANG
BERDINAMIK DI MASA HADAPAN

KDN

1

**MELAKSANAKAN
CORRUPTION RISK
MANAGEMENT (CRM)**

DISEMBER 2018

2

**MEMPERKENALKAN
ANTI-BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM
(ABMS)**

JULAI 2019

3

**MEWUJUDKAN
WHISTLEBLOWER POLICY**

JANUARI 2020

3.1 **PARADIGM SHIFT KDN YANG BERDINAMIK DI MASA HADAPAN**

- 3.1.1 Selaras dengan kehendak Kerajaan, Kementerian ini perlu menangani gejala rasuah dan menambah baik sistem serta prosedur kerja sedia ada yang berintegriti demi kestabilan negara serta kesejahteraan rakyat. Rasuah boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah negara. Amalan rasuah dalam sesebuah pentadbiran wajib dihapuskan sepenuhnya bagi mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.
- 3.1.2 Kementerian ini telah menetapkan matlamat yang jelas untuk memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah. Kementerian juga telah melaksanakan *Whistleblower Policy* bermula Januari 2020 bagi menggalakkan orang awam termasuk warga KDN melaporkan sebarang kegiatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dilakukan oleh warga kerja KDN. KDN turut memperkenalkan *Anti-Bribery Management System (ABMS)* bagi mengenal pasti risiko rasuah di Kementerian serta berusaha menanganinya secara sistematik dan efektif.
- 3.1.3 Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA – “Membanteras Rasuah” dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberikan impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara. **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024** terus memacu ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di Kementerian ini. Pelan ini juga bertujuan untuk membendung penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti Kementerian.


3.1.4 Beberapa bidang risiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenal pasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber termasuklah dapatan daripada *Corruption Risk Management (CRM)* KDN. Hasilnya, pelan ini menggariskan sebuah kerangka yang bertindak memayungi strategi secara menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh (*stakeholders*) menangani permasalahan rasuah di bahagian masing-masing melalui inisiatif-inisiatif yang telah dibangunkan dan dipersetujui secara bersama.

3.2 BIDANG KEUTAMAAN DAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020-2024

Pelan ini secara umumnya menggariskan empat (4) bidang keutamaan, empat (4) strategi dan lima (5) objektif strategik yang akan diterajui oleh 33 inisiatif. Impak kepada pelaksanaannya akan menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanterasannya rasuah di Kementerian dengan usaha untuk memantapkan governans, integriti dan antirasuah serta meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti Kementerian berasaskan tadbir urus yang baik.


VISI

Ke Arah Kementerian Bebas Rasuah dan Berintegriti Tinggi



MISI

Memantapkan Governans, Integriti dan Antirasuah serta Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Kementerian Berasaskan Tadbir Urus Baik



MATLAMAT

Meningkatkan Akauntabiliti dan Kredibiliti Kementerian serta Kecekapan dan Responsif Dalam Penyampaian Perkhidmatan



4 BIDANG KEUTAMAAN

- Tadbir Urus Kementerian
- Pentadbiran Sektor Awam
- Perolehan Kementerian
- Penguatkuasaan Undang-undang

4 STRATEGI

- Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti
- Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
- Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Kementerian
- Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

5 OBJEKTIF STRATEGIK

- Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pentadbiran Kerajaan
- Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik
- Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Kementerian
- Meningkatkan Ketelusan Perolehan Kementerian
- Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

Jangka Pendek

(Tempoh pelaksanaan:
1 Tahun)

5

33
INISIATIF

PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI
KDN 2020-2024

Jangka Sederhana

(Tempoh pelaksanaan:
2-3 Tahun)

21

Jangka Panjang

(Tempoh pelaksanaan:
4 Tahun)

7

BIDANG KEUTAMAAN TADBIR URUS KEMENTERIAN 1

1 STRATEGI
Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti

1 OBJEKTIF STRATEGIK
Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pentadbiran Kerajaan

11 INISIATIF

JANGKA MASA

**PENDEK
(1TAHUN)**

2

INISIATIF

**SEDERHANA
(2 – 3 TAHUN)**

3

INISIATIF

**PANJANG
(4 TAHUN)**

6

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN 1	TADBIR URUS KEMENTERIAN
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pentadbiran Kerajaan

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.1	Memantapkan penguatkuasaan mekanisme pengisytiharan harta warga Kementerian bagi memastikan ketelusan maklumat dan prinsip akauntabiliti secara lebih menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) 	4 Tahun
1.1.2	Menguatkuasakan Dasar/Polisi Penerimaan Hadiah Kementerian untuk memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan timbulnya persepsi negatif yang boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti warga Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti (UI) Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset (BKP) 	4 Tahun
1.1.3	Memperkasakan pelaksanaan program-program pemantapan nilai-nilai murni dan berintegriti secara berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti (UI) 	4 Tahun
1.1.4	Membangunkan polisi keselamatan siber selaras dengan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSA) bagi mengukuhkan keselamatan data/maklumat digital	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) 	4 Tahun
1.1.5	Mewujudkan polisi berkaitan kebocoran maklumat/dokumen	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset (BKP) 	2 Tahun
1.1.6	Memperkukuhkan mekanisme dalam menguat kuasa pusingan kerja secara mandatori kepada warga Kementerian bagi mengelakkan berlakunya salah laku	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) 	2 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN 1	TADBIR URUS KEMENTERIAN
STRATEGI 1	Memperkuatkan Akauntabiliti dan Integriti
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pentadbiran Kerajaan

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.7	Menambah baik Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian bagi permohonan berhubung Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) oleh Agensi Benefisiari di bawah Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kepenjaaraan, Antidadah dan Rela (PDR) 	1 Tahun
1.1.8	Memantapkan dan menguatkuasakan Kod Etika Kerja Kementerian yang dapat membudayakan integriti tadbir urus dan antirasuah	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti (UI) 	2 Tahun
1.1.9	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti dan menyumbang bakti yang tinggi kepada Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti (UI) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) 	1 Tahun
1.1.10	Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi proses pengambilan Pegawai Polis Jawatan Inspektor YA13	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) 	4 Tahun
1.1.11	Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi urusan perjalanan tatatertib PDRM di peringkat Suruhanjaya Pasukan Polis	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) 	4 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN PENTADBIRAN SEKTOR AWAM **2**

1

STRATEGI

Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

1

OBJEKTIF STRATEGIK

Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

6

INISIATIF

JANGKA MASA

**PENDEK
(1TAHUN)**

2

INISIATIF

**SEDERHANA
(2 – 3 TAHUN)**

4

INISIATIF

**PANJANG
(4 TAHUN)**

0

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN 2	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI 2	Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.1	Mewujudkan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001 ke atas prosedur kerja yang sensitif dan berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> Unit Integriti (UI) 	2 Tahun
2.1.2	Memantapkan khidmat kaunseling dan mengambil tindakan segera ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan yang tidak hadir bertugas/pulang awal/hadir lewat	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) 	2 Tahun
2.1.3	Mewujudkan kriteria yang lebih konkrit/bersesuaian dalam urusan pemilihan Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah dan Lembaga Pencegahan Keganasan	<ul style="list-style-type: none"> Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah dan Keganasan (ULPJK) 	1 Tahun
2.1.4	Menambah baik proses kerja pengurusan penapisan filem yang melibatkan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan urusetia di Pejabat Penapisan Filem	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Penapisan Filem (PPF) 	2 Tahun
2.1.5	Menambah baik proses kerja keurusetiaan Lembaga Parol dengan menggunakan aplikasi teknologi yang bersesuaian	<ul style="list-style-type: none"> Urusetia Lembaga Parol (ULP) Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) 	2 Tahun
2.1.6	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) proses pembangunan sistem yang lebih berkesan dan memenuhi keperluan pengguna	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) 	1 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN **3** PEROLEHAN KEMENTERIAN

1

STRATEGI

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Kementerian

2

OBJEKTIF STRATEGIK

Memperkuhkan Kerangka Perolehan Kementerian

Meningkatkan Ketelusan Perolehan Kementerian

8

INISIATIF

JANGKA MASA

**PENDEK
(1TAHUN)**

0

INISIATIF

**SEDERHANA
(2 – 3 TAHUN)**

7

INISIATIF

**PANJANG
(4 TAHUN)**

1

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN 3	PEROLEHAN KEMENTERIAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Kementerian
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Kementerian

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.1.1	Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi pelaksanaan <i>Proof Of Concept</i> (POC)	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Perolehan (PL) Unit Integriti (UI) 	2 Tahun
3.1.2	Menambah baik proses seliaan/pemantauan bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal bagi meningkatkan prestasi perbelanjaan pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan (PB) 	2 Tahun
3.1.3	Menambah baik proses seliaan/pemantauan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut terma-terma kontrak	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Audit Dalam (AD) 	2 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN 3	PEROLEHAN KEMENTERIAN
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Kementerian
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan Ketelusan Perolehan Kementerian

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.2.1	Memperkukuhkan garis panduan pemilihan/penerimaan perolehan yang lebih terperinci dan sesuai dengan keperluan Kementerian	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan (PB) Bahagian Perolehan (PL) 	3 Tahun
3.2.2	Memperkemaskan proses penyediaan dan semakan kandungan kontrak supaya selari dengan kehendak dan persetujuan di antara pihak Kerajaan dan Syarikat serta melindungi kepentingan kedua-dua pihak	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan (PB) Bahagian Perolehan (PL) Pejabat Penasihat Undang-undang 	3 Tahun
3.2.3	Menyediakan garis panduan berhubung tatacara (<i>request for proposal</i>), spesifikasi dan terma rujukan yang jelas semasa membuat pelawaan kepada Universiti Awam (UA) untuk mengemukakan cadangan dan anggaran kos yang terbaik pada harga yang kompetitif bagi pelaksanaan sesuatu kajian	<ul style="list-style-type: none"> Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) 	2 Tahun
3.2.4	Mewujudkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi penyediaan spesifikasi perolehan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Perolehan (PL) Bahagian Pembangunan (PB) 	2 Tahun
3.2.5	Memperkukuhkan dan menambah baik proses kerja berkaitan kewangan secara berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kewangan (KW) 	4 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG **4**

1

STRATEGI

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

1

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

8

INISIATIF

JANGKA MASA

**PENDEK
(1TAHUN)**

1

INISIATIF

**SEDERHANA
(2 – 3 TAHUN)**

7

INISIATIF

**PANJANG
(4 TAHUN)**

0

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN 3	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
STRATEGI 4	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
4.1.1	Menambah baik proses permohonan lesen Agensi Persendirian bagi: i. Permohonan lesen baru; dan ii. Permohonan pembaharuan lesen	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Keselamatan (K) 	2 Tahun
4.1.2	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi permohonan rayuan lesen senjata api	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Keselamatan (K) 	2 Tahun
4.1.3	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) proses penyediaan Perakuan Perintah Tahanan, Perintah Sekatan atau Pembebasan bagi kes-kes subjek di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Keselamatan (K) 	2 Tahun
4.1.4	Memantapkan dasar pengurusan pekerja asing	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (PA) Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) 	3 Tahun
4.1.5	Menambah baik prosedur kerja proses pemeriksaan di pintu masuk bagi memastikan elemen semak dan imbang dalam tindakan penguatkuasaan ke atas bahan penerbitan, teks/al-Quran dan filem yang diimport	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PKK) 	1 Tahun

BIDANG KEUTAMAAN 3	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
STRATEGI 4	Menginstitutionalkan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-undang

NO.	INISIATIF	BAHAGIAN / UNIT PENERAJU	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
4.1.6	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi pengurusan permohonan kewarganegaraan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP) 	3 Tahun
4.1.7	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi pengeluaran Surat Keputusan Kewarganegaraan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP) 	2 Tahun
4.1.8	Menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi pendakwaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyelupan Migran (ATIPSOM)	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Strategik Nasional, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyelupan Migran (NSO, MAPO) 	3 Tahun

“Sesungguhnya yang paling aku cintai di antara kamu dan yang paling dekat kedudukannya denganku pada hari kiamat adalah yang paling baik akhlaknya.”

-Sabda Rasulullah S.A.W-

BAB 4

TADBIR URUS KEMENTERIAN

4.1 MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020-2024



4.1


MEKANISME PELAKSANAAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020-2024



MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2020–2024

- 4.1.1 Pelaksanaan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024** merangkumi tiga (3) peringkat yang terdiri daripada peringkat kebangsaan, kementerian dan jabatan/agensi di bawah seliaan KDN. Peringkat-peringkat ini dihubungkan dan saling berkaitan serta memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan pelan ini. Ianya juga membantu memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mapan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.
- 4.1.2 Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelan ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di Kementerian ini. Prestasi dan penilaian terhadap pelaksanaan akan dipantau dan dinilai secara berkala menggunakan pendekatan sistematik yang telah dibangunkan oleh pihak GIACC.
- 4.1.3 Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024** adalah seperti berikut:
- Setiap inisiatif yang telah ditetapkan perlu dilaksanakan oleh bahagian peneraju bersama bahagian-bahagian lain yang berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Unit Integriti (UI) KDN akan memastikan bahagian-bahagian peneraju yang berkaitan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan;
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024** yang diurusetikan oleh UI akan bersidang untuk menyelaras dan meneliti pelaksanaan inisiatif secara berkala; menilai dan mengenal pasti keberkesanan tindakan/kelemahan inisiatif; mengesyor penambahbaikan terhadap inisiatif; dan menentusahkan (*verify*) serta mengesahkan (*validate*) maklum balas ke atas inisiatif-inisiatif untuk dikemukakan ke peringkat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian; dan
 - Semua laporan berkaitan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024** termasuk laporan pelan antirasuah OACP Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian akan dikemukakan kepada JAR Kebangsaan melalui GIACC.

MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020-2024



KEAHLIAN DAN KEURUSETIAAN

- Dipengerusikan oleh KSN
- Keahlian: Semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan
- Urusetia: Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB J/K

- Membincangkan dan mengesyorkan sebarang cadangan berkaitan dasar atau inisiatif generik yang berhubung kait dengan NACP hasil daripada Mesyuarat JAR Kementerian
- Syor dan cadangan berkenaan akan dikemukakan kepada GIACC untuk dibentangkan dalam mesyuarat JKKMAR

KEAHLIAN DAN KEURUSETIAAN

- Dipengerusikan oleh KSU/TKSU
- Keahlian: Semua SUB Bahagian/Unit & *desk officer* daripada Bahagian/Unit pelaksana yang terlibat
- Urusetia – Unit Integriti KDN

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB J/K

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
- Menyediakan laporan ringkas mengikut suku tahun dan laporan penuh pencapaian pelan antirasuah KDN 2020-2024
- Memperakukan laporan prestasi Pelan antirasuah untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian/Kebangsaan (yang mana berkaitan)

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN

JAWATANKUASA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

KDN

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) & JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

KEAHLIAN DAN KEURUSETIAAN

- Dipengerusikan oleh KSU/TKSU
- Keahlian: Semua Ketua-ketua
- Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah seliaan KDN
- Urusetia: Unit Integriti KDN

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB J/K

- Menerima laporan prestasi pelan antirasuah mengikut suku tahun daripada Unit Integriti
- Memperakukan isu dan laporan yang dikemukakan kepada JAR Kementerian/Kebangsaan (yang mana berkaitan)
- Mengabsahkan dasar dan membuat keputusan

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) PERINGKAT KEMENTERIAN

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”

-Surah al-Anfal: 27-

BAB 5

KESIMPULAN



KESIMPULAN

Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan Kementerian yang terpenting dan terkehadapan dalam menjaga hal ehwal keselamatan dalam Negara, sentiasa terdedah kepada risiko rasuah dan salah laku integriti. Penguatkuasaan undang-undang yang merupakan elemen utama dalam KDN sentiasa diberi perhatian bagi menangani risiko ini. Pelbagai langkah pencegahan dan punitif sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, dalam usaha terkini untuk menjadikan KDN sebuah Kementerian bebas rasuah, KDN sentiasa komited dan berusaha memperkasakan langkah-langkah memperkukuhkan integriti dan tindakan penambahbaikan dalam amalan pencegahan rasuah dengan membangunkan **Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024**. Langkah ini dibuat sejajar dengan usaha Kerajaan memantapkan governans, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. Melalui 33 inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini melalui empat (4) bidang keutamaan, empat (4) strategi dan lima (5) objektif strategik, ia diyakini mampu mencegah amalan rasuah dan salah laku integriti dengan kerjasama erat semua warga Kementerian dan pemegang taruh.

Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020–2024 yang digubal untuk tempoh selama empat (4) tahun bermula tahun 2020 hingga 2024 akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa berlandaskan perubahan semasa yang berlaku di peringkat domestik dan global serta bertepatan dengan keperluan strategik negara. Maklum balas berterusan daripada semua pihak sangat diperlukan supaya inisiatif yang ditetapkan ini sentiasa kekal relevan dengan persekitaran semasa. Adalah menjadi harapan Pengurusan Tertinggi KDN melalui usaha berterusan dan kerjasama semua pihak agar hasrat KDN menjadi Kementerian yang bebas rasuah dan sifar salah laku integriti akan tercapai.

PENGHARGAAN



PENGHARGAAN

SEKALUNG PENGHARGAAN DIRAKAMKAN KEPADA SEMUA PIHAK DAN INDIVIDU YANG TERLIBAT DI DALAM PENGGUBALAN **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020-2024 KEMENTERIAN DALAM NEGERI**.

YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin
Menteri Dalam Negeri

YB Dato' Sri Dr Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said
Timbalan Menteri Dalam Negeri

YB Tuan Jonathan Bin Yasin
Timbalan Menteri Dalam Negeri II

YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz
**Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Jamil Bin Rakon
**Mantan Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri**

Semua Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

**Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit di Kementerian
Dalam Negeri**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
Jabatan Perdana Menteri**

PASUKAN PENYUNTING

Encik Abdul Razak Bin Hamzah
**Setiausaha Bahagian
Unit Integriti**

Encik Mohammad Naim Bin Idris
**Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan**

Tuan Haji Ismail Bin Saad
**Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat**

Puan Arbaiyah Binti Jusop
**Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Pekerja Asing**

Puan Maniyammai Kumaresen
**Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Perancangan Strategik**

Encik Mohd Rafizu Bin Muda
**Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Perolehan**

Encik Mohammad Roshdan Bin Abdul Hamid
**Juruaudit
Bahagian Audit Dalam**

Encik Ridzam Bin Ahmad
**Penolong Setiausaha
Bahagian Teknologi Maklumat**

Encik Huzairie Bin Ishak
**Pegawai Siasatan
Unit integriti**

SEKRETARIAT PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020–2024

Puan Sharina Binti Shamshir Khan
**Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti**

Puan Norilyani Binti Md Nor
**Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti**

Puan Marina Binti Omar
**Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti**

Encik Fadrul Anuar Bin Mohd Arshad
**Pembantu Tadbir
Unit Integriti**

Puan Siti Noor Fazilah Binti Abu Bakar
**Pembantu Tadbir
Unit Integriti**

Cik Siti Norizyan Binti Saini
**Pembantu Tadbir
Unit Integriti**

Encik Muhammad Mustaqim Bin Muzaffar
**Pembantu Tadbir
Unit Integriti**

PESERTA BENGKEL DAN PENYEDIA DATA BAGI PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KDN 2020–2024

Puan Zarina Binti Abdul Razak

Bahagian Keselamatan

Puan Shamsinar Binti Mohd Jaafar

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan

Puan Nor Juliena Azleen Binti Ahmad

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan

Puan Farrah Binti Ahmad Katran

Bahagian Pendaftaran Negara dan Pendaftaran

Puan Fathiah Jamili Pahmi Binti M.Ishak

Bahagian Kependajaan, Antidadah dan RELA

Encik Jefferson Gubak

Bahagian Antarabangsa

Encik Mohamed Mumtajali Bin Abd. Rahim

Bahagian Hal Ehwal Imigresen

Puan Emmylia Catena Lee Binti Anuar Lee

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing

Encik Kugan A/L Gopalan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset

Encik David Lau Keat Jin

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

Puan Nurshafiza Binti Ishak

Bahagian Parlimen dan Kabinet

Encik Abdul Hamid Bin Puteh

Bahagian Audit Dalam

Encik Badrul Syah Bin Badar Shafiq

Pejabat Penasihat Undang-undang

Puan Nazuha Binti Yusof
NSO MAPO

Puan Nurmi Syafina Binti Ahmad Zaini
Pejabat Penapis Filem

Encik Mohd Dzulkarnain Bin Husain
Bahagian Pembangunan

Puan Siti Muslihah Binti Samuri
Bahagian Perancangan Strategik

Puan Husna Binti Ainuddin
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Puan Salwani Binti Rahmat
Bahagian Akaun

Puan Normaziah Binti Kamarudzaman
Bahagian Akaun

Encik Nor Suzaman Bin Abd Rahman
Bahagian Komunikasi Korporat

Puan Noradila Binti Ahmad Nizar
Suruhanjaya Pasukan Polis

Encik Hairudin Bin Shahri
Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah & Keganasan

Puan Salrina Binti Ayyub
Pejabat Pengurusan Projek (PMO)

Puan Najibah Binti Abd Mutalib
Unit Integriti

Puan Precella Binti Abdullah
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

Puan Norzarina Binti Sanip
Bahagian Komunikasi Korporat



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

Tel: 03 8000 8000 | Fax: 03 8889 1613 / 03 8889 1610
Emel: webmaster@moha.gov.my